

123 premis di Melaka terdedah bahaya kebakaran

MELAKA - Sebanyak 123 notis dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia negeri ini kepada premis yang melakukan pelbagai kesalahan membabitkan keselamatan tahun lalu.

Pengarahnya, Kamarulzaman Malik Abdullah berkata, pada tahun lalu pihaknya telah membuat pemeriksaan di 971 premis seluruh negeri.

Katanya, notis berkenaan diberikan kerana pemilik atau penghuninya tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan ketika pemeriksaan.

"Tindakan ini mengikut Akta Perkhidmatan Bomba

(Akta 341) sebagai langkah proaktif bagi mengelak kejadian kebakaran yang boleh mengancam nyawa dan harta benda.

"Hasil pemeriksaan mendapati ada bangunan yang mengabaikan aspek penyelenggaraan walaupun telah mendapat sijil perakuan bomba," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas lawatan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Ismail Othman ke Ibu pejabat JBPM negeri di Bukit Katil dekat sini semalam.